

13/05/2003

Isu tonto ke Kabinet minggu depan

KUALA LUMPUR: Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan mengemukakan laporan awal kepada Kabinet minggu depan, mengenai pindaan Akta Kediaman Terhad 1933, khusus bagi menangani kumpulan 'tolong orang nak tipu orang' (tonto) yang kerap menghalang tugas penguatkuasaan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata antara perkara yang diambil kira ialah semakan semula peruntukan dalam akta itu berikutan keberkesannya dipersoalkan pelbagai pihak kerana sudah terlalu lama.

Katanya, hukuman buang daerah yang mengikut akta itu, mungkin tidak sesuai berdasarkan keadaan semasa yang memerlukan pertimbangan semula oleh penggubal undang-undang.

JPM akan mendapat input daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku pihak terbabit dengan proses penguatkuasaan dan melihat akta berkaitan seperti Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988, Ordinan Darurat & Ketenteraman Awam 1969 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar 'Asiagate dan Pengurusan Risiko di Asia' di Hotel Istana semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kelmarin meminta hukuman buang daerah yang dikenakan bagi beberapa kesalahan berat di negara ini, dikaji semula bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa.

Keperluan kaji semula itu bertujuan memastikan pihak yang menghasilkan video cakera padat (VCD) lucu dan cetak rompak, termasuk warga asing dikesan hingga ke akar umbi.

Rais berkata, berdasarkan keadaan semasa, jika seseorang itu dikenakan kediaman terhad atau dibuang daerah sekalipun, ia masih boleh beroperasi menggunakan telefon bimbit dan sebagainya bagi mengarahkan kumpulannya melakukan sesuatu.

Katanya, sementara gejala tonto tidak mungkin wujud jika maklumat dari dalam tidak dibawa keluar, yang menjadi masalah ialah mengenal pasti siapa membawa maklumat itu keluar.

Sehubungan itu, beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah sendiri akan menemui pegawai kanan bahagian penguat kuasa, termasuk polis, imigresen, dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menjelaskan prinsip serta bentuk tindakan ketika menjalankan tugas mereka.

Beliau juga berkata, pihaknya akan bekerjasama rapat dengan pengeluar kad kredit bagi mengetahui keadaan sebenar kes muflis kerana jumlah pemegang kad kredit yang muflis mewakili 25 peratus daripada 35,000 kes.

"Mulai tahun depan, kerajaan akan meningkatkan siling muflis daripada RM10,000 kepada RM30,000. Rang undang-undang ini akan dibawa ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara September ini untuk diluluskan," katanya.